


BAB 2.0

RANGKA KERJA DASAR PERANCANGAN





2.0 RANGKA KERJA DASAR PERANCANGAN

Rangka kerja dasar perancangan adalah dasar-dasar rujukan utama yang diterjemahkan oleh Pelan Induk kepada perancangan di peringkat kawasan kajian. Ia merangkumi dasar-dasar peringkat antarabangsa, negara, wilayah serta negeri-negeri yang terlibat bagi jajaran ECRL. Rujukan ini adalah untuk memastikan perancangan guna tanah bersepadu ECRL selaras dengan aspirasi perancangan negara, wilayah dan negeri.

01 DASAR PERANCANGAN PERINGKAT ANTARABANGSA

- Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs), 2015
- Agenda Perbandaran Baharu (NUA), 2016

02 DASAR PERANCANGAN PERINGKAT NEGARA

- Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)
- Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021-2025
- Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030
- Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2030 (HNDP 2030)
- Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025
- Dasar Pelancongan Negara 2020-2030
- Dasar Pembangunan Luar Bandar (2019)
- Malaysia *Smart Cities Framework*, 2018
- Low Carbon Cities Framework* (2017)

RANCANGAN PEMAJUAN NASIONAL

- Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) (2021-2040)
- Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) (2016)
- Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030
- Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai 2 (RFZPPN2), (2022)

03 DASAR PERANCANGAN PERINGKAT WILAYAH

- Rangka Kerja Pembangunan Wilayah Bersepadu, 2020
- Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022
- Pelan Induk ECER 2.0 (2018-2025)

04 DASAR PERANCANGAN PERINGKAT NEGERI

- Rancangan Struktur Negeri Kelantan (RSN Kelantan) 2040
- Rancangan Struktur Negeri Terengganu (RSN Terengganu) 2050
- Rancangan Struktur Negeri Pahang (RSN Pahang) 2050
- Rancangan Struktur Negeri Selangor (RSN Selangor) 2035
- Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (DPSKL 2040)

05 DASAR PERANCANGAN PERINGKAT TEMPATAN

- Rancangan-rancangan Tempatan Daerah / Jajahan Berkaitan



2.1 DASAR PERANCANGAN PERINGKAT ANTARABANGSA DAN NEGARA

1

MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs), 2015



SDG BERKAITAN



SDG 11 – Bandar dan Komuniti yang Mampan

Menjadikan bandar raya dan penempatan manusia sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan.



SDG 15 – Hidupan di Darat

Melindungi, memulihkan dan menggalakkan penggunaan mampan ekosistem daratan, menguruskan hutan, mencegah penggurunan, menghentikan dan memulihkan kemerosotan tanah dan menghentikan kerugian biodiversiti secara mampan.




SDG 17 – Kerjasama Demi Matlamat

Memperkuhkan kaedah pelaksanaan dan menggiatkan semula Perkongsian Global untuk Pembangunan Mampan.

Terdapat tiga (3) matlamat yang digariskan di dalam SDGs yang dikenal pasti berkait dengan Pelan Induk ini. Penekanan dalam pembentukan cadangan Pelan Induk selaras dengan objektif SDGs iaitu pembangunan mampan yang disepadukan dengan pengangkutan, peningkatan kemampuan bandar dan daya huni penduduk setempat, pemeliharaan alam sekitar serta kerjasama pihak kerajaan dan swasta dalam pembangunan bandar. Perancangan Pelan Induk menepati objektif yang ditetapkan di dalam SDGs khususnya dalam mencapai bandar mampan.

2

AGENDA PERBANDARAN BAHARU (NUA), 2016



Penyediaan pembangunan bersepadu yang mengoptimumkan potensi ECRL adalah perkara yang ditekankan dalam pembentukan Pelan Induk selaras dengan Agenda Perbandaran Baharu (NUA) bagi mencapai pembangunan mampan. Perancangan yang akan dipacu melalui Pelan Induk selaras dengan wawasan bersama NUA adalah seperti berikut :

1. Memenuhi fungsi sosial - hak kepada perumahan yang mencukupi, taraf hidup, akses sama ada untuk infrastruktur, mobiliti dan pengangkutan.
2. Menggalakkan penyertaan awam bersifat inklusif, mudah diakses, mesra keluarga, interaksi sosial dan keterangkuman.
3. Memenuhi fungsi wilayah, bertindak sebagai hab dan pemacu untuk pembangunan bandar dan wilayah mampan.
4. Menggalakkan perancangan mobiliti bandar mampan, selamat, sistem pengangkutan yang cekap sumber untuk penumpang dan kargo, dengan menghubungkan penduduk, petempatan, barangan, perkhidmatan dan peluang ekonomi.

3 WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

WAWASAN
KEMAKMURAN
BERSAMA
2030



TERAS STRATEGI BERKAITAN

TERAS STRATEGIK 2

Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA – *Key Economic Growth Activities*).

TERAS STRATEGIK 6

Keterangkuman Wilayah.

Aspek keterangkuman wilayah menerusi Pelan Induk akan memastikan keselarasan aktiviti ekonomi dan memastikan taburan ekonomi dirancang berdasarkan kekuatan dan keunikan setiap negeri secara saksama. Perancangan Pelan Induk akan menerima pakai aspirasi WKB 2030 yang menekankan aspek pertumbuhan ekonomi utama bagi mengelak persaingan sumber ekonomi antara negeri. Ini diterjemahkan dalam perancangan kawasan tadahan dan sekitar stesen berdasarkan kekuatan ekonomi masing-masing.


4 RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKe-12), 2021-2025



**RANCANGAN
MALAYSIA
KEDUA BELAS**
2021-2025
MALAYSIA MAKMUR, INKLUSIF, MAMPAK

Penambahbaikan perhubungan antara kawasan bandar dan luar bandar serta penambahbaikan ketersambungan dan mobiliti bagi memupuk integrasi ekonomi wilayah di dalam RMKe-12 merupakan perkara yang akan diselaraskan oleh Pelan Induk. Strategi RMKe-12 telah menyenaraikan pembangunan ECRL sebagai pendekatan bagi memulihkan dan memangkin pembangunan ekonomi di Wilayah Pantai Timur.

5 DASAR PENGANGKUTAN NEGARA 2019-2030



STRATEGI BERKAITAN

STRATEGI 2.3

Menaik taraf perhubungan darat yang menghubungkan semua pintu masuk utama negara dan meningkatkan ketersambungan antara koridor bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi.


STRATEGI 4.2

Menjadikan rangkaian pengangkutan awam sebagai tulang belakang kepada perancangan pertumbuhan spatial dan pengangkutan yang mampan di kawasan bandar.

Pembangunan projek ECRL yang menjadi komponen utama perhubungan darat antara pintu masuk utama negara akan meningkatkan ketersambungan antara koridor wilayah seterusnya selaras dengan strategi Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030.

Dasar ini juga menekankan kepada pertumbuhan ekonomi di kawasan jajaran dan stesen ECRL. Keperluan TOD di kawasan bandar khususnya bagi stesen-stesen yang telah dikenal pasti berpotensi dibangunkan sebagai TOD akan dicadangkan.

6 PELAN PEMBANGUNAN RANGKAIAN JALAN RAYA 2030 (HNDP 2030)



STRATEGI BERKAITAN

STRATEGI 1

Memperkuhkan Koridor Pantai Barat dan Pantai Timur

STRATEGI 2

Memperkuhkan Koridor Lebuhraya Timur - Barat

STRATEGI 3

Merasionalkan dan meningkatkan Koridor *Central Spine Road* (CSR)

STRATEGI 4

Merasionalkan dan meningkatkan jalan lingsar dan hubungan ke konurbasi, zon pembangunan dan pusat pemangkin


Penguatkuasaan ketersambungan hubungan koridor Pantai Barat dan Pantai Timur ke kawasan konurbasi dan zon promosi pembangunan merupakan strategi HNDP 2030 yang akan diselaraskan di dalam Pelan Induk. Pembangunan ECRL merupakan pemangkin penting bagi menguatkuasakan koridor Pantai Barat dan Pantai Timur, selain projek Lebuhraya Timur-Barat dan *Central Spine Road*. Cadangan penambahbaikan khususnya perhubungan antara negeri, konurbasi dan zon pembangunan dengan perkhidmatan ECRL akan dapat membantu merencanakan pembangunan setempat.



Sumber: www.wsp.com/en-GL/insights/cultivating-sustainable-transport-systems

7

DASAR KEPELBAGAIAN BIOLOGI KEBANGSAAN 2016-2025



MATLAMAT BERKAITAN

MATLAMAT 2

Mengurangkan tekanan langsung dan tidak langsung ke atas biodiversiti


MATLAMAT 3

Melindungi semua ekosistem, spesis dan kepelbagaian genetik utama

Perlindungan kawasan hijau dan kawasan biodiversiti bagi mengelak gangguan kawasan hidupan liar adalah selaras dengan matlamat dasar ini dalam memastikan perancangan yang dirancang tidak akan memberi impak kepada kehidupan kawasan sekitar.

8

DASAR PELANCONGAN NEGARA 2020-2030



STRATEGI BERKAITAN

STRATEGI 2

Mewujudkan zon pelaburan khas pelancongan


STRATEGI 3

Memperkuhkan pelancongan pintar

STRATEGI 5

Mempraktikkan aspek pelancongan mampan dan kebertanggungjawaban

Kepelbagaian produk pelancongan khususnya di Wilayah Pantai Timur seperti pelancongan antara sempadan, pelancongan pulau dan pantai, pelancongan bandar dan warisan serta agro pelancongan adalah strategi penting Dasar Pelancongan Negara 2020-2030. Pelan Induk akan memastikan perancangan destinasi dan produk pelancongan wilayah diperkuhkan melalui rangkaian produk yang selari dengan perancangan ECRL khususnya dalam membentuk zon pelaburan khas dan pelancongan mampan.



Sumber: <https://www.voices.com/blog/accessible-tourism/>

9 DASAR PEMBANGUNAN LUAR BANDAR (2019)




STRATEGI BERKAITAN

- EK 1.2** Memperkukuh sumber pertumbuhan baharu luar bandar yang dipacu oleh kerjasama global (*glocal*).
- EK 1.3** Memperkasa aktiviti ekonomi luar bandar supaya berdaya saing dan berimpak tinggi
- MM 3.2** Memulihara, memelihara, mempromosi dan melindungi budaya, seni dan warisan masyarakat luar bandar.
- PL 1.1** Melengkapkan liputan prasarana asas di kawasan luar bandar.
- PL 3.1** Menyediakan sistem pengangkutan awam yang cekap.

Rangkaian rel ECRL serta kedudukan lima (5) stesen ECRL yang melalui kawasan luar bandar memberi peluang pembangunan ke kawasan-kawasan berkenaan. Ini diselaraskan dengan hasrat kerajaan untuk memastikan masyarakat luar bandar mempunyai akses kepada infrastruktur dan kemudahan sosial serta menawarkan peluang pekerjaan dan peniagaan kepada penduduk setempat. Pelan Induk ini akan memastikan perancangan khusus kawasan luar bandar dirancang dengan lengkap dengan kemudahan asas, sistem pengangkutan awam dan meningkatkan sosio ekonomi penduduk luar bandar.

*Nota: EK – Teras 1 – Ekonomi berdaya saing dan mampan
MM – Teras 3 – Modal insan berkualiti
PL – Teras 4 – Prasarana lengkap dan canggih*

10 LOW CARBON CITIES FRAMEWORK (2017)



Low Carbon Cities Framework, 2017 adalah rangka kerja diterbitkan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) sebagai panduan dalam memperkasa bandar rendah karbon bagi mencapai pembangunan mampan. Rangka kerja ini akan menjadi rujukan kepada Pelan Induk dalam memastikan pembangunan guna tanah sekitar kawasan stesen ECRL di rancang ke arah pembangunan mampan. Terdapat tujuh (7) elemen di dalam rangka kerja ke arah bandar mampan yang akan dilihat kesesuaian pemakaian di dalam Pelan Induk.

ELEMEN KE ARAH BANDAR MAMPAN

- | | | | |
|---|------------------------------|---|---------------------------|
| 1 | TADBIR URUS | 5 | PERKHIDMATAN |
| 2 | KESEJAHTERAAN MASYARAKAT | 6 | PENGANGKUTAN DAN MOBILITI |
| 3 | KESAKSAMAAN DAN KEPELBAGAIAN | 7 | ALAM BINA |
| 4 | EKONOMI | 8 | PERSEKITARAN SEMULAJADI |

11

MALAYSIA SMART CITIES FRAMEWORK, 2018



Malaysia Smart City Framework, 2018 adalah antara pendekatan terkini untuk menyelesaikan isu urbanisasi dan memperbaiki kehidupan masyarakat. Elemen *Smart Cities* diambil kira dalam pengaplikasian *Smart Cities* di dalam Pelan Induk. Elemen-elemen *Smart Cities* yang berkaitan di dalam cadangan akan diperincikan dengan transformasi digital terutama penggunaan *information and communication technology* (ICT) bagi menambah baik daya huni, mobiliti perhubungan dan pembangunan yang mampan

KOMPONEN SMART CITIES

 SMART ENVIRONMENT

Penggunaan aplikasi digital yang boleh menangani keperluan alam sekitar dan ke arah persekitaran yang lebih bersih merangkumi aktiviti pemantauan, pengurusan sumber mampan dan daya tahan bencana.

 SMART LIVING

Daya huni yang baik dapat ditambah baik terutama aspek keselamatan, kualiti kesihatan dan kualiti pendidikan dengan menggunakan teknologi moden

 SMART PEOPLE

Mendidik penduduk untuk mengamalkan gaya hidup rendah karbon dan memperkasa penduduk untuk meningkatkan kemahiran digital dan IT ke arah penggunaan teknologi pintar

 SMART ECONOMY

Smart Economy merujuk kepada penghasilan persekitaran ekonomi yang lebih berdaya saing dengan menggalakkan penggunaan ICT dan inovasi merentasi semua sektor.

 SMART DIGITAL INFRASTRUCTURE

Asas kepada transformasi teknologi dengan penyediaan infrastruktur jalur lebar, kemudahan internet capaian tinggi dan perlindungan data bagi pelaksanaan bandar pintar

 SMART GOVERNMENT

Penggunaan perkhidmatan *e-government* bagi platform perkongsian maklumat antara orang awam dan kerajaan.

 SMART MOBILITY

Memastikan tahap ketersambungan dan perhubungan yang lancar, boleh dipercayai dan menggunakan aplikasi, sistem dan infrastruktur pintar ke arah pengangkutan rendah karbon.




Rancangan Pemajuan Nasional (RPN) merupakan dokumen perancangan utama bagi menentukan hala tuju pembangunan negara yang lebih dinamik, seimbang dan berdaya tahan. Terdapat empat (4) dokumen perancangan di dalam RPN iaitu;

1. Rancangan Fizikal Negara (RFN4) (2021-2040)
2. Dasar Perbandaran Negara (DPN2) (2016)
3. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030
4. Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara 2 (RFZPPN2),

12

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KEEMPAT (RFN4), 2021-2040

STRATEGI BERKAITAN



PD 1.1

Memperkukuh kerjasama serantau dalam perancangan fizikal dan pembangunan ekonomi.

PD 2.1

Memperkukuh fungsi kawasan pertumbuhan.

PD 3.2

Memastikan sistem rangkaian rel sebagai tunjang utama pengangkutan.

PD 3.6

Memperkukuh industri logistik.

KD 1.1

Merancang penggunaan tanah secara optimum.

Pembangunan ECRL merupakan satu (1) sistem rangkaian rel yang bertindak sebagai tunjang utama pengangkutan awam dan barangan. Ia juga mampu memperkukuh fungsi kawasan pertumbuhan ekonomi wilayah dan juga berpotensi sebagai infrastruktur pengangkutan serantau pada masa hadapan. Ini diselaraskan dengan fokus strategi RFN4 bagi memperkukuh peranan bandar dan pertumbuhan kawasan luar bandar dengan memanfaatkan potensi semasa sumber jaya tempatan dan pengukuhan industri logistik.

Pelan Induk ini akan merancang penggunaan tanah secara optimum di kawasan tadahan dan jajaran ECRL. Ini akan memastikan perancangan guna tanah yang bersepadu dengan pengangkutan masa hadapan di kawasan pertumbuhan utama Wilayah Pantai Timur dan Pantai Barat.


*Nota: PD – Teras 1 – Pertumbuhan Dinamik dan Seimbang
KD – Teras 2 – Kemampunan Spatial dan Daya Tahan Iklim*



Sumber: <https://www.vectorstock.com/royalty-free-vector/kuala-lumpur-skyline-engraved-hand-drawn>

13

DASAR PERBANDARAN NEGARA KEDUA (DPN2), 2016



STRATEGI BERKAITAN

STRATEGI 3.1.1

Pengukuhan ekonomi berdasarkan sektor-sektor terpilih yang bersesuaian dengan hala tuju ekonomi bandar.

STRATEGI 5.1.1

Penerapan elemen-elemen pembangunan hijau dalam dokumen perancangan.

STRATEGI 5.2.1

Penggalakan pembangunan mobiliti bandar yang berorientasikan pejalan kaki, penunggang basikal dan pengangkutan awam.

Penentuan hierarki sesebuah perbandaran adalah selaras dengan DPN2. Penentuan tahap hierarki bandar-bandar stesen ECRL mengambil kira keadaan semasa kawasan perbandaran tersebut dan impak yang akan diterima dengan pembangunan ECRL. Perancangan pembangunan perbandaran juga menekankan kepada pengukuhan fungsi bandar-bandar utama yang menyumbang kepada keseimbangan wilayah. Aspek reka bentuk bandar, peningkatan daya saing, kepadatan ekonomi bandar serta penerapan konsep TOD di kawasan bandar-bandar yang terlibat turut diselaraskan di dalam Pelan Induk.

14

DASAR PERANCANGAN FIZIKAL DESA NEGARA 2030



STRATEGI BERKAITAN

AD 1.1

Memelihara KSAS dan biodiversiti desa.

DD 1.3

Mengawal pertukaran guna tanah di kawasan desa.

DD 1.4

Memelihara kawasan zon penampungan desa.

ED 1.1

Mempelbagaikan aktiviti ekonomi berdasarkan kelebihan dan keperluan setempat.

ED 2.1

Memajukan kluster ekonomi desa.

Rangkaian ECRL di daerah luar bandar merupakan pemacu pembangunan luar bandar secara seimbang di mana ia selaras dengan aspirasi DPF Desa Negara 2030. Aspek sosial, ekonomi, alam sekitar, pengangkutan serta warisan kawasan desa sebagaimana strategi DPF Desa Negara 2030 akan diselaraskan dengan Pelan Induk. Ini akan memastikan pembangunan ECRL dapat mempelbagaikan ekonomi setempat, memajukan kluster ekonomi desa seterusnya meningkatkan taraf hidup penduduk kawasan luar bandar.

*Nota: AD – Teras 1 – Pengurusan Mampuan Alam Sekitar
DD – Teras 3 – Pengukuhan Daya Huni Desa
ED – Teras 4 – Memperkasa Ekonomi Desa*

15

RANCANGAN FIZIKAL ZON PERSISIRAN PANTAI NEGARA 2 (RFZPPN2, 2022)

STRATEGI BERKAITAN



PB 1

Menerapkan aspek risiko bencana dalam perancangan dan kawalan pembangunan peringkat negeri dan tempatan.

PB 2

Melindungi kawasan pembangunan sedia ada.

AE 1

Memperkasa pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti dan alam sekitar dalam perancangan spatial.

AE 2

Memulihara dan melindungi habitat dan ekosistem marin.

TE 1

Menyelaras bidang kuasa pentadbiran zon pesisiran pantai.

RFZPPN2 berfungsi sebagai dokumen panduan spatial khusus bagi zon pesisiran pantai negara dijadikan rujukan dalam Pelan Induk bagi pembangunan-pembangunan yang berhampiran dengan kawasan pantai negara. Potensi sosio ekonomi, alam sekitar dan risiko geobencana antara aspek yang dinilai di dalam Pelan Induk. Kawasan-kawasan pesisiran pantai yang berada di dalam radius 15 km dari stesen akan dirancang sebaiknya agar tidak memberi kesan kepada pesisiran pantai negara dan selaras dengan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) sedia ada.

16

INDEKS DAYA HUNI MALAYSIA (iDAM)

ASPIRASI iDAM



A1

Pembangunan ekonomi makmur & kalis masa depan

A2

Peningkatan kualiti persekitaran, pemeliharaan alam sekitar & jaminan keselamatan

A3

Memperkasa keharmonian komuniti & keluarga sejahtera

A4

Pembangunan guna tanah & sumber bumi mampan

A5

Urus tadbir berkesan & penyediaan infrastruktur kemudahan sokongan inklusif

iDAM merupakan kaedah baharu yang diterbitkan oleh PLANMalaysia adalah bagi mengukur tahap daya huni peringkat negara. iDAM dirangka dengan mengambil kira kriteria di bawah Rancangan Fizikal Negara Keempat. Aspirasi iDAM dirujuk dalam Pelan Induk bagi memastikan perancangan perbandaran memenuhi aspirasi yang dirangka di dalam iDAM mewujudkan sebuah perbandaran yang makmur dengan kualiti persekitaran yang tinggi serta pembangunan guna tanah yang mampan dengan penyediaan kemudahan infrastruktur sokongan yang inklusif bagi membentuk perbandaran yang berdaya huni.



2.2 DASAR PERANCANGAN PERINGKAT WILAYAH

17

RANGKA KERJA PEMBANGUNAN WILAYAH BERSEPADU (RWB), 2020



STRATEGI BERKAITAN

STRATEGI 1.1

Membangunkan kemampuan menahan kejutan melalui mewujudkan kepelbagaian ekonomi.

STRATEGI 2.1

Memperkukuh kawasan pertumbuhan.

STRATEGI 4.3

Memperkukuh sistem perhubungan logistik untuk menyokong pertumbuhan ekonomi wilayah.

STRATEGI 4.4

Meningkatkan tahap ketersambungan dan kebolehcapaian antara wilayah.

STRATEGI 5.1

Mengarusperdana pengurusan biodiversiti dalam perancangan pembangunan

STRATEGI 5.3

Melestarikan pembangunan di bandar dan luar bandar

STRATEGI 5.4

Pengurusan industri yang lestari dan bertanggungjawab

Mengenal pasti potensi Wilayah Pantai Timur dan Wilayah Pantai Barat dalam merangka pertumbuhan ekonomi yang seimbang akan ditekankan selaras dengan RWB 2020. Strategi RWB 2020 akan diambil kira di dalam Pelan Induk bagi memastikan perancangan pembangunan ECRL dapat menyokong pembangunan kawasan sekitar, meliputi kawasan bandar dan luar bandar. Aspek yang ditekankan adalah meningkatkan pertumbuhan dan keseimbangan ekonomi, ketersambungan, perhubungan pengangkutan serta logistik.

18

PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (PIRECFs) 2022



Kajian Pelan Induk akan turut mengkaji kesan jajaran ECRL kepada CFS dan koridor ekologi. Cadangan mitigasi bagi memelihara dan memulihara koridor ekologi bagi melindungi dan mengekal biodiversiti dalam pembangunan mampan yang dirancang di kawasan stesen dan jajaran ECRL akan dikemukakan.

Lima (5) kawasan rangkaian ekologi CFS yang terlibat dalam lingkungan 15 km radius laluan dan stesen ECRL adalah Stesen ECRL Pasir Puteh, Jerneh, Bandar Permaisuri, Dungun dan Maran.

19 PELAN INDUK ECER 2.0 (2018-2025)

PELAN INDUK ECER 2.0
LONJAKAN SETERUSNYA
2018-2025



Perancangan Pelan Induk memberi penekanan utama untuk mencapai aspirasi Pelan Induk ECER 2.0 menerusi strategi disentralisasi terutama di kawasan pembangunan utama (Nod) ECER iaitu:

- i) Nod 1: Zon Ekonomi Khas ECER (SEZ),
- ii) Nod 2: Pembangunan Rentas Sempadan Kelantan-Terengganu
- iii) Nod 3: Segitiga Pembangunan Kuala Terengganu,
- iv) Nod 7: Temerloh – Mentakab – Maran – Bera.

Jajaran ECRL yang melalui negeri-negeri Pantai Timur akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pembangunan Wilayah Pantai Timur, khususnya di kawasan sekitar stesen yang memberi perkhidmatan kepada kawasan Nod ECER.

2.3 DASAR PERANCANGAN PERINGKAT NEGERI

20 RANCANGAN STRUKTUR NEGERI KELANTAN 2040



STRATEGI BERKAITAN

- SD 7.1** Negeri Kelantan memainkan peranan aktif di dalam pembangunan ekonomi wilayah IMT-GT, ASEAN dan antarabangsa.
- SD 7.2** Tahap pelaburan pelbagai sektor yang berpotensi di dalam Negeri Kelantan akan ditingkatkan di bawah Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).
- SD 7.3** Tahap kerjasama antara Negeri Kelantan dan negeri-negeri bersempadan akan dipertingkatkan.
- SD 17.1** Mengoptimumkan kawasan-kawasan industri sedia ada serta mewujudkan kawasan industri baharu yang berpotensi tinggi untuk dimajukan.

Negeri Kelantan memainkan peranan aktif di dalam pembangunan ekonomi wilayah IMT-GT, ASEAN dan antarabangsa. Antara strategi yang diambil kira bagi Pelan Induk ini adalah dengan meneliti potensi memperkukuhkan ketersambungan antara stesen ECRL bagi perkhidmatan rentas negara. Ini melibatkan peluang membangunkan kawasan seperti Zon Ekonomi Khas (ZEK) di Kelantan iaitu ZEK Tok Bali – Pengkalan Kubor bagi merealisasikan potensi mobiliti barangan dengan negara berjiran Thailand, negara-negara ASEAN dan China.

Pelan Induk ini juga mengambil kira perancangan kawasan perbandaran utama seperti Bandar Raya Islam Kota Bharu dan kawasan koridor pembangunannya termasuk kawasan Bandar Baharu Tunjung selaras dengan Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) sedia ada. Potensi pembangunan Pelabuhan Tok Bali dan perancangan Jajahan Pasir Puteh serta jajahan-jajahan lain juga diberi perhatian khususnya untuk mewujudkan kawasan ekonomi baharu.

21

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI TERENGGANU 2050



STRATEGI BERKAITAN

S 1.2

Pengukuhan hubungan kerjasama antara Negeri Terengganu dan negeri bersempadanan dalam aspek berkepentingan bersama untuk memacu pembangunan Wilayah Pantai Timur.

S 4.1

Pengurangan migrasi keluar penduduk secara berterusan serta pengurusan kumpulan guna tenaga aktif dan bijaksana.

S 5.1

Perancangan Negeri Terengganu berasaskan gambar rajah utama dengan pembangunan wilayah seimbang dan penumpuan pembangunan di kawasan pertumbuhan utama, iaitu ZPP Primer dan ZPP Sekunder Negeri.

S 5.3

Tumpuan pembangunan di ZPP Sekunder Wilayah Utara dan Wilayah Selatan untuk menyeimbangkan pembangunan negeri dan menyerakkan kemajuan ke kawasan luar bandar.

S 6.1

Pengukuhan fungsi dan peranan bandar berasaskan hierarki yang ditetapkan dengan sokongan kemudahan, infrastruktur dan aktiviti ekonomi yang setara, berdasarkan ciri-ciri unik bandar dan kekuatan setempat.

S 15.1

Peningkatan dan pengukuhan pembangunan kawasan perindustrian sedia ada yang belum dimajukan sepenuhnya.

S 15.2

Pembangunan kepelbagaian aktiviti industri berasaskan sumber tempatan secara lestari.

S 20.3

Pembangunan perumahan yang memanfaatkan rangkaian pengangkutan awam.

S 24.1

Pelaksanaan projek infrastruktur perhubungan dan sistem pengangkutan untuk membangunkan Negeri Terengganu.

S 24.3

Penaiktarafan jalan utama dan jalan yang telah mencapai kapasiti.

S 25.1

Penggalakan pembangunan berorientasikan transit yang akan menjadi tumpuan pembangunan integrasi antara tumpuan pengangkutan dan pengguna.

S 25.3

Penerokaan potensi laluan baharu bagi meningkatkan tahap perkhidmatan pengangkutan awam (darat dan air).

Projek ECRL merupakan sistem perhubungan rentas wilayah yang diberi perhatian dalam perancangan Negeri Terengganu khususnya untuk membantu memacu pembangunan di daerah mundur. Ia diharap dapat mengimbangi pembangunan spatial negeri khususnya di kawasan pertumbuhan ZPP Wilayah iaitu ZPP Primer dan ZPP Sekunder Negeri.

Pelan Induk ini selaras dengan RSN Terengganu 2050 yang menekankan kepada pelaksanaan projek infrastruktur perhubungan dan sistem pengangkutan. Pembangunan ekonomi negeri termasuk pengukuhan kawasan industri sedia ada dan pertumbuhan kawasan perumahan yang memanfaatkan rangkaian pengangkutan awam adalah seiring dengan perancangan guna tanah ECRL.

22

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PAHANG 2050



STRATEGI BERKAITAN

DG1-S1

Pelan pembangunan guna tanah RSN Pahang 2050 perlu menjadi asas untuk memandu pertumbuhan ekonomi negeri.

DG2-S1

Mengutamakan pembangunan di dalam kawasan perbandaran sedia ada melalui pembangunan *infill*, pembangunan *brownfield* dan pembaharuan bandar secara lestari.

DG2-S2

Memaksimumkan tepu bina dan kawasan perbandaran sedia ada.

DG2-S3

Mekanisme kawalan pembangunan tanah yang berkesan.

DP1-S1

Pengukuhan fungsi, imej dan potensi bandar.

DP1-S2

Melaksanakan konsep pembangunan perbandaran bercorak tertumpu berteraskan *Compact City* dan *Transit Oriented Development (TOD)* dan cadangan laluan perhubungan baharu (CSR, ECRL, SPEX dan lain-lain).

DT1-S3

Memperkukuhkan perhubungan pengangkutan rel moden yang menghubungkan Negeri Pahang di peringkat wilayah

DT1-S5

Mempertingkatkan keupayaan pelabuhan bagi melonjakkan ekonomi Negeri Pahang dan memperkukuhkan Konurbasi Wilayah Timur.

DT1-S6

Memperkukuhkan perhubungan pengangkutan kargo bagi tujuan mempertingkatkan ekonomi Negeri Pahang.

DT2-S1

Penyediaan pengangkutan awam yang menyeluruh dan bersesuaian di pusat bandar dan di luar bandar

DS1-S1

Memacu pertumbuhan ekonomi Negeri Pahang ke arah negeri maju

DS2-S1

Pengukuhan ekonomi dalam sektor berpotensi utama iaitu perkhidmatan (pelancongan), perindustrian dan pertanian.

DI1-S1

Negeri Pahang sebagai Hab Perindustrian Pantai Timur berdaya tambah dan keberhasilan tinggi

DI1-S2

Mengalakkan pembangunan perindustrian secara kluster yang perlu dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur asas dan perkhidmatan logistik.



- DI1-S3** Mengukuhkan Zon Ekonomi Khas ECER (SEZ) Konurbasi Timur sebagai perindustrian Negeri Pahang dengan pembangunan ECER.
- DI1-S4** Menumpukan pembangunan perindustrian baharu di kawasan atau bangunan sedia ada bagi menangani kekosongan industri.
- DI2-S1** Mempertingkatkan *comparative advantage* dalam usaha meningkatkan daya saing sektor perindustrian untuk menyokong pertumbuhan industri di Negeri Pahang
- DI3-S1** Memperkukuhkan rantaian industri dalam sektor industri sokongan (industri kecil dan sederhana) dan industri utama (industri berat).
- DI4-S1** Memacu pembangunan perindustrian Negeri Pahang yang mampan dengan meminimumkan kesan negatif kepada alam sekitar.
- DB1-S1** Mentransformasi aktiviti perniagaan dan perdagangan ke arah lebih efisien.
- DH1-S1** Keperluan perumahan yang selaras dengan keperluan masa depan.
- DE1-S1** Pengurusan dan pengawalan pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar (KSAS).
- DE1-S2** Pertimbangan isu alam sekitar semasa merancang, membangun dan melaksanakan pembangunan guna tanah.

RSN Pahang 2050 menekankan kepentingan mengoptimumkan pembangunan guna tanah terutama di kawasan bandar, memperkukuhkan fungsi bandar dan mempertingkatkan keupayaan logistik bagi melonjakkan ekonomi negeri. RSN Pahang 2050 juga mengambil kira kepentingan kemudahan pengangkutan wilayah seperti ECRL khususnya untuk memacu kawasan pembangunan utama bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan setempat.

Pelan Induk ini memberi perhatian kepada pengukuhan Zon Ekonomi Khas (SEZ) ECER khususnya melalui pembangunan pengangkutan awam bersepadu, menyokong pembangunan perindustrian mampan dan pembangunan perbandaran berteraskan transit.

Mekanisme kawalan pembangunan tanah yang berkesan dan pelaksanaan konsep pembangunan perbandaran bercorak tertumpu seperti *Compact City* dan *Transit Oriented Development* (TOD) di sekitar stesen ECRL akan dijelaskan di dalam Pelan Induk secara terperinci.

Perancangan Pelan Induk juga menyokong pembangunan perindustrian secara kluster lengkap dengan kemudahan infrastruktur asas dan perkhidmatan logistik ECRL. Ini seterusnya membantu mencapai wawasan Negeri Pahang sebagai Hub Perindustrian Pantai Timur yang bernilai tambah dan keberhasilan tinggi.

*Nota: DG – Dasar Guna Tanah
DP – Dasar Perbandaran dan Petempatan
DT – Dasar Perhubungan dan Pengangkutan
DS – Dasar Asas Ekonomi
DI – Dasar Perindustrian
DH – Dasar Perumahan
DE – Dasar Alam Sekitar dan Sumber Jaya Asli*



STRATEGI BERKAITAN

BM8-P8 Menyediakan kemudahan pengangkutan awam dan perhubungan untuk ke tempat-tempat pelancongan

MP4-P1 Memajukan guna tanah di pusat-pusat transit dengan konsep TOD yang memberi penekanan pembangunan yang padat dan mampan

MP4-P3 Menggalakkan perumahan mampu milik dan perumahan transit di dalam kawasan TOD tertakluk kepada Dasar Rumah Selangorku dan lain-lain dasar yang ditetapkan Pihak Berkuasa Negeri

MP4-P4 Memastikan penyediaan pelan susun atur mengambil kira penyediaan pejalan kaki/sikal bagi mengurangkan kebergantungan terhadap kenderaan bermotor.

MP4-P5 Menggalakkan pembangunan bercampur secara menegak di mana perumahan, pejabat, perniagaan dan kemudahan awam disediakan di dalam satu bangunan.

MP4-P6 Memastikan pembangunan seperti SOHO dan pangsapuri perkhidmatan di dalam pusat-pusat TOD ini perlu menyediakan keperluan kemudahan masyarakat yang setara dengan piawaian perancangan.

MP7-P1 Memastikan perancangan dan pembangunan bandar-bandar yang bersempadan dengan wilayah persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya diselaraskan di dalam setiap tindakan sistem pengangkutan dan aliran.

MP7-P2 Menaiktaraf dan memperkukuhkan fungsi bandar yang terletak dalam Konurbasi Lembah Klang dari segi perkhidmatan bandar, infrastruktur, kemudahan dan utiliti serta pengangkutan awam.

MP8-P3 Membenarkan ubah suai bangunan di tapak industri sedia ada di mana sesuai, bagi memenuhi keperluan industri dan aktiviti lain tetapi ia perlu mematuhi garis panduan perancangan terutama bagi menggalakkan aktiviti industri berteknologi hijau termasuk penggunaan ciri-ciri *Green Building Index* (GBI).

MP21-P5 Mengguna pakai teknologi hijau dalam reka bentuk bangunan, pembinaan, pengurusan dan penyelenggaraan bangunan serta pemuliharaan dan pemusnahan bangunan.

MP21-P6 Memberi insentif tambahan selain daripada pengecualian cukai dan pelepasan duti stem kepada pemilik bangunan dan pembeli aset dalam bangunan yang diiktiraf menepati GBI.

MP21-P7 Mengenal pasti insentif yang bersesuaian di peringkat PBT untuk diberikan kepada pemilik bangunan dan pembeli aset dalam bangunan yang diiktiraf menepati GBI seperti potongan Tabung Penambahbaikan Perkhidmatan (ISF) dan peningkatan nisbah plot.



- MP31-P12** Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan kenderaan jenis hibrid.
- MM1-P2** Membangunkan kawasan perumahan baru.
- MM2-P1** Menggalakkan pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) yang berkualiti oleh pelbagai agensi kerajaan dan pihak swasta.
- MM2-P2** Melaksanakan dasar rumah mampu milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku) yang dapat memenuhi keperluan rumah mampu milik selaras dengan sasaran satu (1) isi rumah satu (1) rumah.
- MM2-P3** Memastikan pemaju perumahan mematuhi keperluan penyediaan rumah mampu milik (Rumah Selangorku) mengikut dasar Rumah Selangorku yang telah dipersetujui oleh pihak berkuasa negeri.
- MM2-P5** Pembangunan perumahan mampu milik perlu dirancang dengan sistem pengangkutan awam.
- MM4-P1** Memastikan pembangunan perumahan disediakan dengan rangkaian jalan raya, infrastruktur dan utiliti yang sempurna.
- MM4-P2** Memastikan penyediaan kemudahan awam dan rekreasi disediakan dengan mencukupi mengikut piawaian perancangan bagi pembangunan berkonsepkan *compact development*.
- MM4-P3** Menyediakan kemudahan awam dan rekreasi dan sistem pengangkutan awam yang berkualiti di kawasan perumahan.
- MM4-P4** Menyemak garis panduan dan piawaian perancangan dari semasa ke semasa bagi menangani perubahan di dalam trend pembangunan.
- MM6-P2** Tapak pembangunan bagi penempatan semula setinggan perlu mengambil kira kedapatan (availability) pengangkutan awam dan berdekatan (proximity) dengan sumber pekerjaan penduduknya.
- MM15-P2** Mempertingkatkan penggunaan mod pengangkutan awam sebagai mod pengangkutan utama.
- MM15-P3** Melaksanakan Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (ITIS).
- MM15-P4** Mengintegrasikan pengangkutan di dalam perancangan guna tanah dengan mengadaptasikan konsep *Transit Oriented Development* (TOD) di kawasan terminal pengangkutan awam mengikut hierarki TOD.
- MM15-P5** Menyediakan laluan pejalan kaki berbumbung dan berintegrasi di antara bangunan dan penunggang basikal yang menyeluruh dan berterusan.
- MM15-P6** Menyediakan kemudahan laluan khas basikal secara menyeluruh.
- MM15-P10** Mengurangkan tempat letak kereta (TLK) di kawasan bandar dan meningkatkan harga caj TLK bagi mengurangkan kenderaan persendirian masuk ke bandar



- MM16-P3** Memperluaskan liputan perkhidmatan bas di kawasan-kawasan perumahan dengan mengambil kira kelebihan pembangunan di *Greater Kuala Lumpur* dan cadangan pembangunan Rancangan Tempatan.
- MM16-P4** Menyediakan sistem Bas Rapid Transit (BRT) di bandar-bandar utama khususnya bandar-bandar dalam *Greater Kuala Lumpur*.
- MM16-P7** Menyediakan perkhidmatan bas komuniti di dalam kawasan Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran.
- MM16-P9** Memastikan penyediaan kemudahan sokongan pengangkutan awam.
- MM16-P10** Mengkaji keperluan cadangan perkhidmatan dan kemudahan pengangkutan awam di dalam Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) semasa permohonan Kebenaran Merancang (KM) bagi pembangunan perumahan, industri, perniagaan dan institusi.
- MM16-P11** Menambah dan memperluaskan jaringan laluan pengangkutan berasaskan rel.
- MM16-P13** Menyediakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor untuk dijadikan rujukan utama Pihak Berkuasa Negeri dan agensi berkaitan bagi memastikan keselarasan cadangan jaringan pengangkutan lebuh raya dan berasaskan rel yang lebih menyeluruh dan komprehensif.
- MM17-P1** Menyediakan pelbagai kemudahan sokongan seperti TLK dan basikal, laluan pejalan kaki dan penunggang basikal.
- MM17-P3** Memastikan reka bentuk dan kemudahan yang disedia mengambil kira keperluan semua golongan termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas dan kanak-kanak.
- MM17-P5** Menyediakan laluan pejalan kaki berbumbung dan berintegrasi di antara bangunan dan penunggang basikal yang menyeluruh dan berterusan.
- MM17-P6** Menyediakan kemudahan laluan khas basikal secara menyeluruh.
- MM17-P9** Menyediakan kawasan khusus di lokasi yang strategik yang akan berfungsi sebagai *goods transfer station* bagi menangani kemasukan kenderaan berat ke pusat bandar.
- MM17-P10** Mengurangkan TLK di kawasan bandar dan meningkatkan harga caj TLK bagi mengurangkan kenderaan persendirian masuk ke bandar.
- MM19-P3** Menggalakan pengasingan laluan basikal dan motosikal (Mode Separation) di jalan-jalan utama serta di kawasan kejiranan.
- MM20-P1** Meluaskan liputan perkhidmatan pengangkutan berasaskan rel dan BRT di kawasan berkepadatan tinggi dan tumpuan utama penduduk dengan mengambil kira kriteria pembangunan TOD.



- MM20-P3** Memastikan perkhidmatan rel dan BRT disokong oleh mod-mod pengangkutan lain yang cekap dan berkesan.
- MM20-P4** Menyediakan kemudahan sokongan yang boleh dimanfaatkan oleh semua golongan pengguna pengangkutan awam.
- MM20-P5** Menyediakan bas pengantaraan yang mencukupi, cekap dan boleh diharap serta memberi liputan perkhidmatan yang menyeluruh untuk menyokong perkhidmatan rel.
- MM20-P6** Memperluaskan perkhidmatan pengangkutan awam dan memperluaskan *park and ride* ke kawasan-kawasan perindustrian.
- MM20-P7** Menyediakan kemudahan *park and ride* yang mencukupi di setiap stesen transit dengan kadar bayaran yang berpatutan.

RSN Selangor 2035 menekankan kepada pembangunan bagi memastikan Negeri Selangor Ke Arah Wilayah Bandar Berkembang Maju, Wilayah Bandar Mampan dan Wilayah Bandar Makmur. Perancangan Negeri Selangor melalui RSN Selangor 2035 merangkumi hampir kesemua aspek namun, Pelan Induk ini memberi perhatian kepada penyediaan pengangkutan awam yang bersepadu dan menggalakkan pembangunan bercampur dan TOD bagi kawasan transit. Perancangan pembangunan yang dirancang di dalam Pelan Induk akan memperkukuhkan fungsi bandar dan pusat petempatan serta perancangan keperluan penyediaan perumahan mampu milik, infrastruktur, rangkaian jalan raya serta kesalinghubungan yang menyokong pembangunan TOD.

Kawalan pembangunan tanah merangkumi kawasan tumpuan pembangunan, kawasan sensitif alam sekitar dan kawasan sensitif sosial serta kawasan *geopark* akan dirancang sebaiknya di dalam Pelan Induk selaras dengan RSN Selangor 2035 bagi memastikan pembangunan yang dirancang di sekitar stesen memberi manfaat kepada penduduk dan memastikan semua golongan dapat menggunakan perkhidmatan ECRL hasil kertsambungan dengan perkhidmatan jaringan pengangkutan awam sedia ada di Negeri Selangor.

*Nota: BM – Teras 1 – Dasar ke Arah Wilayah Bandar Berkembang Maju
MP – Teras 2 – Dasar ke Arah Wilayah Bandar Mampan
MM – Teras 3 – Dasar ke Arah Wilayah Bandar Makmur*



Sumber: <https://www.beritaselangor.com/post/selangor-pengeksport-kedua-terbesar-malaysia-sumbang-19-peratus>

24

DRAF PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR 2040



STRATEGI BERKAITAN

- IP1.1** Mengukuhkan aktiviti kewangan dan perniagaan di Kuala Lumpur
- IP1.2** Menjadikan Kuala Lumpur destinasi pelancongan bandar dengan meningkatkan aktiviti nilai tambah sektor pelancongan
- IP1.3** Memperkasa Kuala Lumpur sebagai bandar budaya dan kreatif
- IP1.5** Menggalakkan pembangunan kluster perindustrian teknologi tinggi dan berasaskan teknologi bersih

IP1.6 Memacu pembangunan keusahawanan bagi pertumbuhan ekonomi bandar

IP2.2 Menyediakan zon ekonomi yang mempunyai ketersediaan infrastruktur dan kondusif untuk pelaburan

IP3.1 Memperkukuh peranan Bandar Raya Kuala Lumpur sebagai bandar global

IP3.2 Memperkukuh integrasi ekonomi di antara bandar dalam Wilayah Konurbasi Nasional

IP3.3 Mengukuhkan hubungan pengangkutan ke rangkaian serantau bagi pergerakan komoditi dan perkhidmatan

IS1.1 Mengurus pembangunan perumahan pelbagai pilihan bagi memenuhi keperluan dan kemampuan penduduk masa hadapan

IS1.2 Menyediakan perumahan mampu milik berkualiti dan kondusif

IS1.4 Mempergiat pembaharuan semula kawasan perumahan stabil yang lama

PR3.1 Menggalakkan pembangunan bangunan rendah karbon

PR3.2 Menggalakkan penggunaan kenderaan hijau dan rendah karbon

MC1.1 Memperkukuh infrastruktur pengangkutan dan memperluas rangkaian rel awam bandar

MC1.3 Memberi keutamaan kepada pembangunan perkhidmatan bas awam

MC2.1 Memastikan rangkaian pejalan kaki yang selamat, berkualiti, berkesinambungan dan mudah sampai oleh semua

MC2.2 Mengadakan kemudahan mobiliti mikro bagi mencapai tahap kemudahsampaian yang lebih tinggi



- MC3.1** Mengurus trafik dalam pusat bandar raya
- BM1.1** Mengurus tanah yang belum dibangunkan secara optimum dan produktif
- BM1.2** Menggalakkan pembangunan *infill* di kawasan tekanan pembangunan
- BM2.2** Mewujudkan peluang pembangunan di kawasan pembaharuan semula bandar
- BM3.1** Menggalakkan pembangunan TOD di kawasan transit
- BM4.1** Menggalakkan perkongsian ruang rizab utiliti, rizab sungai dan rizab jalan
- BM5.1** Mengawal selia pembangunan di kawasan tanah tinggi dan lereng bukit
- BM5.3** Mengurus pembangunan bagi kawasan khusus

DPSKL 2040 menyasarkan untuk memperkasa Bandar Raya Kuala Lumpur dan peranannya sebagai Bandar Global. Pelan Induk ini akan melihat limpahan pembangunan bersebelahan dengan Stesen ECRL ITT Gombak yang berada di dalam kawasan Kuala Lumpur. Fokus utama selaras dengan DSPKL 2040 adalah ketersediaan infrastruktur bagi perhubungan pengangkutan awam yang kondusif, pembangunan perumahan serta pembaharuan semula kawasan dengan penyediaan kawasan yang khusus bagi menyokong pembangunan TOD dan membangunkan kawasan yang berpotensi secara optimum dan produktif. Ini selaras dengan cadangan Pelan Induk yang bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan di sekitar stesen tetapi merangkumi kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan di dalam radius 15 km dari stesen. Perancangan kawasan ini akan meningkatkan tahap daya saing terutama kawasan Taman Melati yang akan menyokong pembangunan TOD di Stesen ECRL ITT Gombak.

*Nota: IP – Matlamat 1 – Inovatif dan Produktif
IS – Matlamat 2 – Inklusif dan Saksama
PR – Matlamat 4 – Pintar Iklim dan Rendah Karbon
MC – Matlamat 5 – Mobiliti Cepak dan Mesra Alam
BM – Matlamat 6 – Pembangunan Bersepadu dan Mampan*



Sumber: <https://pixels.com/featured/3-kuala-lumpur-malaysia-skyline-michael-tompsett.html?product>



2.4 DASAR PERANCANGAN PERINGKAT TEMPATAN

25

RANCANGAN-RANCANGAN TEMPATAN DAERAH / JAJAHAN BERKAITAN

Pelan Induk juga diselaraskan dengan Rancangan-rancangan Tempatan Daerah / Jajahan (RTD) berkaitan bagi mengambil kira pengezonan tanah dan cadangan-cadangan pembangunan yang telah dirangka di peringkat tempatan.

Sebanyak 28 RTD telah dikenal pasti berkait dengan kawasan stesen, jajaran serta kawasan tadahan kajian. Cadangan-cadangan berkaitan yang telah dikenal pasti akan diselaraskan dengan cadangan Pelan Induk terutama yang memberi impak kepada pembangunan ECRL. **Jadual 2.1** merupakan senarai Rancangan Tempatan Daerah/Jajahan yang berkaitan Pelan Induk.

Jadual 2.1: Senarai Rancangan-rancangan Tempatan yang Terlibat di Dalam Kajian

Bil.	Rancangan Tempatan	Pihak Berkuasa Tempatan	Negeri
1.	Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Bandar Raya Islam 2035 (Penggantian)	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam	Kelantan
2.	Rancangan Tempatan Jajahan Kota Bharu 2020 (Majlis Daerah Ketereh)	Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam	
3.	Rancangan Tempatan Jajahan Bachok 2020	Majlis Daerah Bachok Pelancongan Islam	
4.	Draf Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Puteh 2035 (Penggantian)	Majlis Daerah Pasir Puteh	
5.	Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Mas 2020	Majlis Daerah Pasir Mas	
6.	Rancangan Tempatan Jajahan Machang 2020	Majlis Daerah Machang	
7.	Rancangan Tempatan Jajahan Tumpat 2020	Majlis Daerah Tumpat	
8.	Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)	Majlis Daerah Besut	Terengganu
9.	Rancangan Tempatan Daerah Setiu 2035 (Penggantian)	Majlis Daerah Setiu	
10.	Rancangan Tempatan Daerah Kuala Terengganu 2035	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	
11.	Rancangan Tempatan Daerah Kuala Nerus 2035	Majlis Daerah Marang	
12.	Rancangan Tempatan Daerah Marang 2020	Majlis Perbandaran Dungun	
13.	Rancangan Tempatan Daerah Dungun 2035 (Penggantian)	Majlis Perbandaran Kemaman	
14.	Rancangan Tempatan Daerah Kemaman 2035	Majlis Daerah Hulu Terengganu	
15.	Rancangan Tempatan Daerah Hulu Terengganu 2020 (Pengubahan) Rancangan Tempatan Daerah Hulu Terengganu 2020 (Pengubahan 2)	Majlis Daerah Hulu Terengganu	

Bil.	Rancangan Tempatan	Pihak Berkuasa Tempatan	Negeri
16.	Rancangan Tempatan Daerah Kuantan 2035 (Penggantian)	Majlis Bandaraya Kuantan	Pahang
17.	Rancangan Tempatan Daerah Maran (Pengubahan)	Majlis Daerah Maran	
18.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Temerloh 2035	Majlis Perbandaran Temerloh	
19.	Rancangan Tempatan Daerah Pekan (Pengubahan)	Majlis Daerah Pekan	
20.	Rancangan Tempatan Daerah Bera (Pengubahan)	Majlis Daerah Bera	
21.	Rancangan Tempatan Daerah Bentong, Pahang, 2035 (Penggantian)	Majlis Perbandaran Bentong	Selangor
22.	Rancangan Tempatan Daerah Hulu Selangor 2035	Majlis Perbandaran Hulu Selangor	
23.	Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang (Penggantian) 2030	Majlis Perbandaran Selayang	
24.	Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2035 (Penggantian)	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	
25.	Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor 2025	Majlis Perbandaran Kuala Selangor	
26.	Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang 2035 (Penggantian)	Majlis Perbandaran Klang	
27.	Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Shah Alam 2020 (Pengubahan 3)	Majlis Bandaraya Shah Alam	
28.	Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	



PBT TERLIBAT DI SEPANJANG JAJARAN ECRL



2.5 RUMUSAN

Dasar-dasar utama peringkat antarabangsa, negara, wilayah, negeri dan tempatan terutama strategi-strategi dan cadangan khusus yang mempunyai hubungan langsung dengan pembangunan guna tanah sekitar jajaran dan stesen ECRL telah dijadikan asas rujukan pembentukan Pelan Induk. Rumusan bagi dasar-dasar ini boleh dirangkumkan seperti berikut:

1. Pelan Induk selaras dengan dasar antarabangsa, SDGs dan NUA dalam aspek menyepadukan pembangunan mampan dengan pengangkutan.
2. Keselarasan Pelan Induk dengan dokumen perancangan peringkat nasional dan wilayah melalui dasar yang berkaitan. Aspek penting yang ditekankan adalah kekuatan negeri-negeri Pantai Timur dan Pantai Barat serta keselarasan aktiviti ekonomi bagi mengelak persaingan antara negeri. Tahap ketersambungan antara negeri dan wilayah-wilayah termasuk rangkaian pengangkutan awam oleh ECRL juga diberi perhatian utama.
3. PeGTaECRL mengambil kira hala tuju perkembangan negara daripada empat (4) dokumen utama iaitu RPN yang diselaraskan melalui cadangan strategi dan tindakan di dalam Pelan Induk.
4. Daripada aspek perancangan wilayah, peranan Pelan Induk merangkumi usaha menyokong pertumbuhan ekonomi yang seimbang, ketersambungan, logistik serta disentralisasi kawasan pembangunan utama (Nod) ECER.
5. Pelan Induk menterjemahkan dasar dan strategi Rancangan Struktur Negeri terlibat dan mengambil kira strategi-strategi yang berkaitan dari segi pembangunan ekonomi, memperkukuh kawasan pertumbuhan utama, serta pembangunan perbandaran yang berteraskan transit.
6. Cadangan Pelan Induk menyelaraskan cadangan-cadangan di peringkat tempatan iaitu dengan pengezonan dan cadangan projek yang dapat memberi impak kepada pembangunan daerah dan jajahan melalui perancangan bersepadu.

Antara perkara yang ditekankan adalah:

- i. ECRL sebagai salah satu (1) komponen dengan menjadikan rel sebagai tunjang utama pengangkutan awam yang akan memperkukuh perhubungan antara wilayah dan pertumbuhan ekonomi terutamanya bagi industri logistik.
- ii. Pembangunan ECRL membawa impak positif dalam membantu memperkukuh peranan bandar dan pertumbuhan luar bandar dengan menerapkan pembangunan berorientasikan transit di stesen yang bersesuaian.
- iii. Perancangan dan kawalan pembangunan terutamanya di kawasan KSAS dan luar bandar bagi memelihara biodiversiti, alam sekitar, aspek sosial dan warisan semula jadi.